

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Modul pembangunan kenaf pertama di bangunkan |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Sarawak                               | Color       | Full Color          |
| Date       | 22 Apr 2016                                  | Circulation | 37,981              |
| Section    | EKONOMI                                      | Readership  | 113,943             |
| Page No    | E1   | ArticleSize | 441 cm <sup>2</sup> |
| Language   | Malay  | AdValue     | RM 2,260            |
| Journalist | N/A  | PR Value    | RM 6,780            |
| Frequency  | Daily (EM)                                   |             |                     |



# Modul pembangunan kenaf pertama dibangunkan

**PADANG BESAR:** Taman perkampungan Asnaf Batu Industri Kenaf Bersepadu (1KIP) yang bermatamat menjana sumber ekonomi Perlis sebanyak RM5 juta setahun, bakal dibangunkan di kawasan Chuping.

Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man berkata projek itu yang merupakan model pembangunan kenaf pertama di negara ini yang meliputi keseluruhan rantaian, bermula daripada penanaman benih sehingga pemasaran produk berkenaan.

"Berdasarkan kajian dan penyelidikan yang dijalankan, Perlis optimis industri ini mempunyai potensi yang cukup luas dan akan memberi manfaat kepada rakyat, termasuk menyediakan peluang pekerjaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Industri Kenaf Rakan Rakyat (IKRAR) di

Bertangkup, Chuping di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Noriah puti kawasan seluas 420 Kasnon, Penggerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LTKN) Datuk Adhan Kechik dan Ketua Pengarah LTKN Samsudin Noor.

Azlan berkata usaha LTKN untuk merangsang kemajuan industri kenaf disambut baik berdasarkan impaknya untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, pertanian, taraf hidup rakyat dan kemajuan negeri.

"Kerajaan juga telah melihat potensi cerah projek ini berikutan iklim di kawasan utara Perlis ini sesuai untuk tanaman kenaf. Penduduk juga digalakkan mengusahakan tanaman kenaf secara kecil-kecil sebagai pertanian alternatif.

"Sebanyak RM3 juta dilabur-hana) berasaskan kenaf, Pusat Pertumbuhan Desa Batu Bertangkup menyediakan pelbagai kemudahan untuk mereka dengan tumpuan bantuan ke atas pengeluaran pulpa daripada empulur kenaf sebagai produk perkakasan terbiodegradasi," katanya.

Terdahulu, Adhan berkata

LTKN melihat Perlis sebagai negeri yang paling berpotensi untuk membangunkan projek berkenaan bagi memenuhi kehendak industri tempatan dan eksport.

LTKN akan memastikan bantuan yang diperlukan disalur bagi merealisasikan projek ini termasuk pengeluaran biji benih kenaf, pengeluaran fiber berkualiti tinggi melalui 1KUR (Program Kenaf Untuk Rakyat) serta insentif bekalan batang kenaf dan pinjaman mesin memproses.

"Bagi pengeluaran produk IKS (Industri Kecil dan Seder-

Beliau berkata penanaman kenaf juga memberi pulangan yang lumayan iaitu RM500 satu tan, dengan kawasan seluas sehektar mampu menghasilkan 30 tan.

Kesemua hasil dijamin, sama ada oleh pemaju industri atau LTKN sendiri, katanya.

Pada majlis itu LTKN turut bertukar dokumen perjanjian kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi pembangunan projek perintis pengeluaran pulpa kenaf di Perlis, disaksikan Azlan dan Noriah.

– BERNAMA



MENTERI Besar Datuk Seri Azlan Man (tengah) bertanyakan sesuatu mengenai proses penghasilan Kenaf kepada Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara Samsudin Noor (kiri) pada Majlis Perasmian Industri Kenaf Rakan Rakyat (IKRAR) di Perkampungan Asnaf Chuping semalam. • fotoBERNAMA